

Kaum Cina tidak akan sokong Pas

UM 10 NOV 1999

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Masyarakat Cina tidak akan menyokong Pas pada pilihan raya umum kelak kerana banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh parti itu tidak menghormati mereka.

Datuk Hon Choon Kim (BN-Seremban) mengutarakan dua kenyataan pedas yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan akhbar rasmi Pas, *Harakah*, yang disifatkan menghiris perasaan kaum Cina Malaysia.

Harakah, katanya, menghina Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik yang juga Presiden MCA, sebagai kononnya menghina Islam.

Nik Abdul Aziz pula, katanya, mendakwa masalah utama orang Cina ialah judi dan minum kuat (sampai) mabuk serta minta mereka peluk Islam.

"Saya tidak pertikaikan Islam kerana semua agama menyeru ke arah kebaikan tetapi tidaklah sampai menghina semacam ini.

"Saya juga tidak faham bagaimana DAP boleh berdi- am diri dan terima penghinaan Pas ini. Orang Cina tidak menyokong Pas kerana sikapnya yang ekstrim," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2000 pada sidang Dewan Rakyat hari ini.

Serentak itu, Hon yang juga Ahli Jawatankuasa Pusat MCA, mengingatkan Pas supaya tidak bermain api mencetuskan suasana tidak tenteram dalam negara berbilang kaum ini.

"Akhirnya Pas akan mendapat risiko dan balasan tidak baik. Surat khabar seperti ini (*Harakah*), sudah

tentu mengelirukan rakyat. Saya harap Kementerian Dalam Negeri hentikan (tindakan negatif Pas) segala-galanya," katanya.

Hon turut menyelar DAP kerana sentiasa mempunyai sangkaan buruk terhadap apa sahaja program yang dibuat kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Bila nampak sokongan rakyat kepada Perdana Menteri, DAP kata sebaliknya.

"Seorang yang rasional tidak akan nampak begitu kerana memang Dr. Mahathir telah menyelamatkan negara ini dari segala masalah khususnya kegawatan ekonomi," katanya.

Beliau turut menyelar DAP kerana terlibat sama menganjurkan perhimpunan haram reformasi seolah-olah kononnya tiada keadilan langsung di negara ini.

"Salah satu sependuk bertulisan Cina yang dibawa DAP dalam reformasi berbunyi *Api kuat jangan dipadamkan*.

"Jadi, saya nak nasihatkan juga kepada DAP jangan bermain api. Jangan api kuat tidak dipadamkan kerana kelak rakyat juga yang susah," kata Hon.

Bagi membendung kemaraan tidak sihat DAP dan Pas itu, katanya, masyarakat Cina di negara ini telah membentuk satu barisan, disertai lepasan universiti tempatan dan luar negara kaum Cina bagi menyokong BN.

"Mereka rasa cara ini bukan sahaja dapat membantu rakyat malah mampu membendung gerakan reformasi yang boleh mencetuskan suasana tidak aman dalam negara," katanya.